

11 MAY 1997

PEMIMPIN PARTI POLITIK INDIA PERLU BERKEMPEN BERSAMA

TELUK INTAN, 11 Mei (Bernama) -- Pemimpin parti-parti politik masyarakat India di negara ini perlu bersatu dalam menunjukkan sokongan di sesuatu pilihan raya dan bukan melakukannya secara individu.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas berkata, pemimpin parti-parti seperti MIC dan Barisan Kemajuan India (IPF) perlu bersatu dalam memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam sesuatu pilihan raya.

Beliau berkata demikian semasa mengulas mengenai aduan terhadap poster presiden IPF, Senator M. G. Pandithan, yang ditempatkan di sebelah gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim di padang bandar di sini ketika kempen pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan semakin rancak.

"Anggota-anggota IPF perlu sedar anggota MIC tidak senang dengan tindakan parti itu yang seolah-olah menunjukkan Pandithan sebagai pemimpin masyarakat India," kata beliau kepada pemberita selepas majlis makan malam mengutip derma bagi Kolej Tuanku Abdul Rahman (TAR) Perak, di sini, malam semalam.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Naib Pengerusi Gerakan Perak Dr Chee See Choke yang mewakili BN dan Bendahari DAP Perak M. Kula Segaran.

Kayveas berkata adalah wajar mengalihkan poster itu sebelum ia menjadi isu hangat dan kedua-dua pihak terbabit perlu bersatu untuk berkempen bagi Dr Chee.

"Semasa berkempen para pemimpin parti-parti itu tidak harus memecahbelahkan masyarakat India tetapi harus berusaha menyatukan masyarakat India demi kejayaan BN," kata beliau. -- BERNAMA

HK PR